

# Minda

Pengarang

## Aspirasi PM angkat martabat ekonomi negara bukan sekadar retorik

**Antara** pendekatan penting bagi memperkukuh ekonomi negara, memartabatkan hubungan diplomatik serta memperluaskan perdagangan antarabangsa terutama pada era globalisasi ini adalah melaksanakan strategi komprehensif dan bersepadu.

Sebagai negara mengamalkan ekonomi terbuka dan bergantung kepada perdagangan antarabangsa, Malaysia perlu sentiasa memastikan hubungan diplomatik kukuh dan kerjasama baik dengan negara serantau serta maju bagi mencapai matlamat ekonomi jangka pendek dan panjang.

Kejayaan setiap strategi, pendekatan dan perancangan kerajaan ini perlu disesuaikan dengan pelbagai teori ekonomi seperti liberalisme, realisme, kebergantungan, perdagangan baharu serta globalisasi mengikut keperluan serta kecenderungan.

Salah satu langkah Malaysia memperkukuh hubungan antarabangsa adalah meningkatkan kerjasama dengan negara maju, khususnya dalam bidang ekonomi dan perdagangan kerana memberikan peluang besar kepada negara memperkukuh pertumbuhan ekonomi.

Atas faktor ini, peringatan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bahawa sekarang adalah masa untuk semua pihak mengangkat martabat ekonomi dan tidak boleh berlengah lagi dengan berbicara hal remeh yang melemahkan serta mengancam kekuatan negara, bukan harapan retorik semata-mata.

Apatah lagi, tahun ini Malaysia adalah Pengerusi ASEAN, maka ia menjadi satu kesempatan untuk membina kekuatan bersama negara ASEAN dan memacu potensi negara dalam pentas antarabangsa.

Semalam, Malaysia menjadi destinasi pertama Perdana Menteri Jepun, Shigeru Ishiba yang melakukan lawatan rasmi selama dua hari sejak memegang jawatan pada Oktober 2024. Ia lawatan sulung pemimpin negara ekonomi maju ke Malaysia pada tahun ini.

Ia memberi gambaran kepercayaan, keyakinan dan keteguhan Jepun dalam menjalin hubungan diplomatik dengan Malaysia, sekali gus bakal membuka lebih luas peluang ekonomi dan perdagangan memberi manfaat kepada Kuala Lumpur.

Anwar dan Ishiba dijangka meneliti semula kemajuan hubungan dua hala Malaysia-Jepun, terutama dalam bidang perdagangan dan pelaburan, pembangunan sumber manusia serta kerjasama dalam bidang tenaga. Ia termasuk cadangan menjadikan Malaysia khususnya, Sarawak sebagai hab tenaga baharu di rantau ini.

Semalam juga menjadi detik bersejarah bagi Malaysia apabila Presiden Indonesia, Prabowo Subianto mengadakan lawatan kerja sehari ke negara ini. Lawatan itu adalah cerminan hubungan istimewa antara Malaysia dan Indonesia bagi memperkukuh pelbagai bidang termasuk ekonomi, sosiobudaya, pertahanan dan keselamatan.

Sebelum itu, Perdana Menteri Singapura, Lawrence Wong turut menyaksikan pelancaran Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ), Johor menjadi kekuatan untuk Johor dan Singapura dan kawasan sekitarnya.

Bermakna, dengan memfokuskan hubungan diplomatik ASEAN dan negara kuasa ekonomi besar, ia bakal melonjakkan lagi pelaburan, kerjasama antarabangsa, serta pembangunan sumber manusia dan teknologi Malaysia, sekali gus mencapai kedudukan lebih baik di peringkat global dan memastikan kemakmuran berterusan bagi rakyat.